

**PROSES KERJA**

**TUGAS: PROSES PERLANTIKAN AHLI JKKK**

<b>PROSES KERJA</b>	
1.	Terima arahan daripada Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri untuk memberi senarai nama ahli JKKK yang baru mengikut KADUN.
2.	Kemukakan surat kepada Pengerusi JKKK beserta format yang lengkap untuk sediakan senarai ahli JKKK yang baru dan satu salinan kepada kepada Ketua Bahagian badan-badan politik yang berkenaan.
3.	Terima senarai cadangan daripada Pengerusi JKKK.
4.	Mengadakan mesyuarat khas penyelarasan perlantikan JKKK dengan wakil-wakil rakyat dan ketua-ketua bahagian politik yang berkenaan untuk membuat keputusan tentang cadangan senarai nama ahli JKKK yang baru.
5.	Selepas dipersetujui oleh wakil-wakil rakyat dan ketua-ketua politik bahagian, satu senarai nama ahli JKKK yang lengkap disediakan, dibukukan mengikut KADUN dan diedarkan kepada ahli mesyuarat.
6.	Menyediakan senarai ahli JKKK yang baru untuk mesyuarat perlantikan ahli JKKK yang baru di peringkat Negeri.
7.	Terima senarai cadangan ahli JKKK yang baru dari Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri yang telah diluluskan oleh EXCO.
8.	Menghantar surat kepada semua Pengerusi yang baru dilantik serta senarai ahli JKKK untuk makluman perlantikan.